

Program 'Anda Tanya Ustaz Jawab' Merungkai Polemik RUU 355



Pekan, 28 April – Pusat Islam dan Pembangunan Insan (PIMPIN) mengambil inisiatif bagi membincangkan berkenaan Agenda dan Polemik yang timbul berkaitan Isu Pindaan Akta Mahkamah Syariah ataupun RUU 355 yang menjadi isu nasional yang hangat mutakhir ini.

Menerusi Program *Anda Tanya Ustaz Jawab* menampilkan Ketua Pegawai Eksekutif Institut Kajian Strategik Islam Malaysia, (IKSIM) Dato' Prof Mahamad Naser Disa sebagai panelis utama dalam membicarakan perkara ini.

Program yang dianjurkan secara kerjasama melibatkan Pejabat Naib Canselor (PNC) dan Jabatan Pendaftar ini telah dihadiri oleh seramai 170 orang peserta yang terdiri daripada warga Universiti Malaysia Pahang (UMP), wakil agensi kerajaan, wakil badan bukan kerajaan dan pimpinan komuniti setempat.

Pengarah Program, Ustaz Mohamad Hasnur Abdul Hamid berkata, secara khususnya tajuk RUU 355: Agenda & Polemik ini dipilih bagi memberi pencerahan yang sebenar kepada masyarakat tentang isu yang menjadi bualan hangat netizen kebelakangan ini di samping memberi peluang kepada para peserta untuk mengajukan persoalan yang timbul mengikut skop perundangan dan kehakiman.

Menurut Dato' Prof Mahamad Naser, isu pindaan RUU 355 seharusnya tidak dipolitikkan oleh mana-mana pihak kerana ianya bertujuan bagi memperkasakan Akta Mahkamah Syariah sedia ada mengikut keadaan masa kini.



"Sebagai contoh, had hukuman maksimum bagi kesalahan jenayah Syariah sekarang ialah hukuman penjara tidak melebihi 3 tahun, denda sebanyak RM 5,000.00 dan hukuman 6 kali sebatan adalah sudah tidak relevan bagi kesalahan-kesalahan yang melibatkan penyelewengan akidah dan ajaran sesat (Kategori Kesalahan Berat) dan kadar hukuman ini jauh lebih ringan jika dibandingkan dengan hukuman bagi kesalahan jenayah Sivil" katanya.

Program yang berlangsung selama dua jam ini berjaya merungkai persoalan dan memberi pencerahan kepada peserta yang hadir. Turut hadir Timbalan Pendaftar Kanan Jabatan Pendaftar, Haji Wan Abdul Rashid Wan Abdul Rahman yang turut menyampaikan cenderahati kenang-kenangan kepada panelis jemputan.



Berita Disediakan Oleh Ustaz Mohamad Hasnur Abdul Hamid dan Disunting Oleh Bahagian Komunikasi Korporat

Posted By : SITI SARAH BINTI MOHAMAD RAJIMI Date Posted : 19-05-2017, 17:31:51